

04/04/2000

Kerajaan kaji peraturan kawal penyokong liar

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan mungkin memperkenalkan peraturan baru dalam Akta Pilihan Raya 1954 bagi mencegah tindakan liar penyokong parti politik ketika berkempen, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kabinet akan memutuskan bentuk peraturan yang perlu dan jika cadangan itu bernas, ia akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk tindakan lanjut.

"Kita akan buat laporan kepada Kabinet dan kalau ada cadangan daripada Kabinet yang bernas, maka kita akan kemukakan kepada SPR. Jika diperlukan kita akan memperkenalkan undang-undang baru," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini petang ini.

Presiden Umno itu diminta mengulas kemungkinan Akta Pilihan Raya dipinda dan memperkenalkan peraturan baru berikutan tingkah laku penyokong parti politik, terutama di kalangan pembangkang yang dikatakan agak keterlaluan ketika pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang baru-baru ini.

Baru-baru ini, Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata pihaknya sudah mengemukakan draf cadangan pindaan Akta Pilihan Raya untuk disesuaikan dengan keperluan semasa kepada pejabat Peguam Negara bagi penelitian lanjut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dijangka mengemukakannya kepada Kabinet sebaik saja pejabat Peguam Negara selesai membuat kajian itu.

Dr Mahathir berkata, akta itu mungkin perlu dipinda, tetapi apa yang penting ialah penguatkuasaan peraturan dalam Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 kerana undang-undang sudah wujud seperti melarang kempen selepas jam 12 tengah malam sebelum hari mengundi.

"Tetapi kita dapati bahawa kempen ini diteruskan dengan membawa lambang, cuba mengheret pengundi untuk merayu supaya mereka mengundi, menggunakan cara seperti menyekat perjalanan di jalan raya, mengugut untuk mengadakan rusuhan ketika pengundian supaya pengundi takut.

"Kita tahu semua ini dilarang tetapi penguatkuasaannya tidaklah sebegitu. Namun, kita berjaya juga di Sanggang kerana ia adalah satu pilihan raya kecil. Tetapi pada masa pilihan raya umum, tentulah kawalan lebih lemah lagi. Jadi kita perlu cari jalan supaya kita dapat mengawal dengan cara yang berkesan," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat MT hari ini membincangkan mengenai pilihan raya kecil Sanggang itu, terutama berkisar kepada kelakuan ahli parti pembangkang yang digerakkan oleh kira-kira 30,000 penyokongnya.

Katanya, tindakan penyokong Pas dilaporkan melanggar pelbagai undang-undang termasuk kegiatan memprovokasi dan mengadakan kempen selepas jam 12 tengah malam ketika pilihan raya kecil itu.

Dr Mahathir berkata, penyokong Pas membanjiri Sanggang dengan nisbah tiga ahli pembangkang bagi setiap ahli Umno atau Barisan Nasional (BN).

"Mereka begitu ramai datang dari Kuala Lumpur dengan kereta memakai bendera dan lencana Pas ... kita ada gambar. Mereka datang dengan jelas untuk mengugut pengundi. Kita dapati di kawasan Cina, yang mana semua orang tahu kemungkinan orang Cina ini akan mengundi BN ... mereka meletakkan kereta mereka, menyebabkan kesesakan jalan raya.

"Mereka berkumpul dengan begitu ramai sehingga pada sebelah pagi (hari mengundi) hanya 25 peratus saja pengundi berani keluar kerana takut akan ada pertempuran.

"Begitu juga dengan pengundi kaum India ... mereka ditakutkan oleh

penyokong parti Pas. Mereka (penyokong Pas) menghalang sehingga terpaksa meminta pertolongan pihak polis memasang kawat duri di situ untuk memberi jalan kepada pengundi masuk mengundi," katanya.

Beliau berkata, penyokong pembangkang membuat pelbagai ugutan dan menggunakan perkataan lucah terhadap orang Umno dan jika dibiarkan berterusan boleh mencetus pertempuran.

"Kita ada bukti mengenai kelakuan orang Pas ini dan bilangan mereka," katanya sambil menunjukkan satu album penuh gambar kelakuan penyokong sepanjang kempen pilihan raya kecil itu.

Mengenai majoriti yang lebih besar diperolehi calon BN, Redzwan Harun dengan menewaskan calon Pas, Hishamuddin Yahya, Dr Mahathir berkata ia jelas menunjukkan rakyat tidak suka kepada cara Pas serta perjuangan mereka.

Begitu pun katanya, kerajaan akan tetap menunaikan segala janji kepada pengundi di Sanggang.

(END)